

28 AUG 1996

Komanwel - Kemudahan

KEMUDAHAN SUKAN KOMANWEL SIAP MENGIKJUT JADUAL

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- Sukom'98 Berhad, penganjur Sukan Komanwel Kuala Lumpur, yakin bahawa semua pihak terbabit akan memastikan kemudahan bagi sukan itu siap mengikut jadual.

"Pihak-pihak terbabit bertanggungjawab bagi memastikan semua kemudahan untuk sukan itu siap menjelang Sept 1998," kata pengerusi eksekutifnya Jen (B) Tan Sri Hashim Ali.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi perhatian peribadi terhadap pembinaan Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil dan sering melawat ke tapak iotu dari semasa ke semasa.

Kecuali stadium luaran dan tertutup yang dijangka siap menjelang Mac 1998, kerja-kerja di stadium baru dan gelanggang yang ditingkatkan taraf akan siap menjelang 1997, kata beliau kepada majlis jamuan bersama wartawan di sini hari ini.

Apabila setiausaha Persatuan Skuasy Malaysia (SRAM), Prasad Pillai menarik perhatian bahawa tender bagi gelanggang skuasy belum dipanggil, Hashim memberi jaminan bahawa ia akan siap menjelang Mac 1997 seperti dijanjikan oleh Kementerian Belia dan Sukan.

Hashim berkata SUKOM juga mencadangkan supaya Selangor menganjurkan sesetengah daripada acara di gelanggang yang diperuntukkan bagi Sukan Komanwel Kuala Lumpur. Selangor dijangka menggantikan Kedah sebagai tuan rumah Sukan Malaysia (SUKMA) 1998

Kita boleh menggunakan ini sebagai latihan dan mengenal pasti kelemahan. Polis dapat mengawasi aliran lalulintas dan sistem pengangkutan," kata beliau.

Hashim berkata, contohnya Sistem Transit Akiran Ringan (LRT) mempunyai kapasiti membawa 24,000 penumpang sejam kerana hampir 50,000 orang dijangka menggunakan LRT selepas upara pembukaan dan penutup.

Beliau juga berkata Sukom sedang merangka pelan pemasaran bersama dengan Australia bagi menjual barang niaga Sukan itu di negara ini dan Persekutuan Sukan Komanwel (CGF) telah merestuinnya.

Katanya, jawatankuasa Olimpik Australia akan dibenarkan melantik ejen penjual tiketnya sendiri bagi Sukan Komanwel Kuala Lumpur.

Mengenai harga tiket, Hashim berkata kajian kaji selidik pengguna sedang dijalankan dan maklumat balas daripada orang ramai akan digunakan bagi menetapkan harga tiket. -- BERNAMA

AR FAZ